



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERBEZAAN EKSPRESI KARYA ARTIS ABSTRAK  
EKSPRESSIONISME MELAYU DAN BARAT**

**Mohamad Syafiq Bin Mohd Zuki**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)  
2017**

**PERBEZAAN EKSPRESI KARYA ARTIS ABSTRAK EKSPRESSIONISME  
MELAYU DAN BARAT**

MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHD ZUKI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters


PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 31..... day of Dec.. 2016.

Student's Declaration:

I **MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHD ZUKI (42149)** from Faculty of Applied and Creative Arts hereby declare that the work entitled **PERBEZAAN EKSPRESSI KARYA ARTIS ABSTRAK EKSPRESSIONISME MELAYU DAN BARAT** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

 4.1.2017  
Date Submitted

MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHD ZUKI (42149)  
Name of the Student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **MOHAMMAD FAIZUAN BIN MAT** hereby certifies that the work entitled **PERBEZAAN EKSPRESSI KARYA ARTIS ABSTRAK EKSPRESSIONISME MELAYU DAN BARAT** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

  
(**MOHAMMAD FAIZUAN BIN MAT**)

Date:

4/1/17


I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature   
(Date: 4.1.2017 )

Supervisor signature:   
(Date: 4/1/2017)

Current Address:  
Lot 2709 Kampung Pintu Gerbang,  
Tawang, 16020  
Bachok, Kelantan


Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHD ZUKI** disertai penulisan yang bertajuk '**PERBEZAAN EKSPRESI KARYA ARTIS ABSTRAK EKSPRESSIONISME MELAYU DAN BARAT**' sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:  
**Mohamad Faizuan Mat**  
Lecturer  
Faculty of Applied and Creative Arts  
Universiti Malaysia Sarawak



(MOHAMAD FAIZUAN BIN MAT)

Tarikh:

4/1/2017

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan izin-nya, dapat saya menyiapkan tugas Projek Tahun Akhir dengan sempurna. Jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Mohammad Faizuan Bin Mat yang sanggup memberi tunjuk ajar sehingga saya dapat menyiapkan tugas Projek Tahun Akhir. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang juga memberi sedikit sebanyak perkongsian ilmu dalam menghasilkan projek ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga tercinta ibu dan ayah, atas segala pengorbanan dan doa yang tidak putus – putus. Sokongan dan kata – kata motivasi yang diberikan menjadi semangat kepada saya untuk menyempurnakan projek ini. Kejayaan yang dikecapi tidak bernilai tanpa keluarga tersayang. Ucapan terima kasih juga buat rakan saya yang turut banyak memberi semangat dan dorongan semasa proses menjayakan projek ini. Segala bantuan yang diberikan amat saya hargai.

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Borang Pengesahan Status Tesis / Laporan	i-ii
Pengesahan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v-vi
Lampiran	vii
Abstrak	viii
Abstract	ix
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Latar Belakang Kajian	1-2
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Persoalan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4-5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Kesimpulan	6
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	7-8
2.1 Apa Itu Abstrak Ekspresionisme	8-9
2.2 Konsep Pengalaman Intuitif Dalam Meluahkan Ekspresi Pada Karya Abstrak Ekspresionisme	10-11

2.3 Perbezaan Ekspresi Karya Artis Abstrak Ekspresionisme Abdul Latif Mohidin dan Jackson Pollock	11 -13
2.4 Karya Abstrak Ekspresionisme?	14-15
2.5 Artis Rujukan	16-23
2.6 Kesimpulan	23

### **BAB 3 KAJIAN METODOLOGI**

3.1 Pendahuluan	24
3.2 Kaedah Primer	24-25
3.3 Kaedah Sekunder	25-26
3.4 Kaedah Untuk Menganalisis	26-30
3.5 Kesimpulan	31

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	32
4.2 Idea Karya Peribadi	32-37
4.3 Pra- Produksi/Penghasilan Karya	37-41
4.4 Karya Akhir	42-46
4.5 Tool Yang Digunakan Untuk Melukis Dalam Photoshop	46
4.6 Kesimpulan	47

### **BAB 5 KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	48
5.2 Rumusan Kajian	48-51
5.3 Kesimpulan	52

### **RUJUKAN**

Buku	53-54
Laman Wed	55



## LAMPIRAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Figura 1: Pago-Pago	17
Figura 2: The Poem(Wall-Paper) 2015	18
Figura 3: MEDITATION SERIES- CHANGE THE WORLD II	19
Figura 4: MEDITATION SERIES-END OF THE LINES	19
Figura 5: The She-Wolf	21
Figura 6: Woman, I	22
Figura 7: Motif Kapal Berjarut	34
Figura 8: Lakaran Idea Motif Kapal Berjarut	35
Figura 9: Motif Kecil Kapal Berjarut	36
Figura 10: Langkah Kerja 1	38
Figura 11: Langkah Kerja 2	38
Figura 12: Langkah Kerja 3	39
Figura 13: Langkah kerja 4	39
Figura 14: Langkah kerja 5	40
Figura 15: Langkah kerja 6	40
Figura 16: Langkah kerja 7	41
Figura 17: Karya Akhir Motif Kapal Berjarut	46
Jadual 1 : Perbezaan Ekspresi Karya Artis Abstrak Ekspressionisme Melayu dan Barat	49-50

## ABSTRAK

Kajian ini mengenai perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat. Pendekatan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah gaya persembahan seni abstrak ekspresionisme dalam karya. Kajian ini memfokuskan tentang faktor-faktor perbezaan karya antara ekspresionisme Melayu dan barat. Pada masa yang sama, pengkaji akan menganalisa makna dalam sesuatu karya itu terhasil dari pengalaman intuitif atau suatu tindakan diskripsi imej sebagai bentuk ekspresi yang terdapat dalam karya abstrak ekspresionisme artis yang dipilih. Pengkaji akan mengaplikasikan perasaan dan emosi melalui abstrak ekspresionisme dalam menyampaikan makna dalam karya dan digunakan dalam karya akhir.

## ABSTRACT

*The study on a difference of abstract artists expressionism regular expressions and the West. The intended approach in this study was the style of presentation abstract art in the works of expressionism. This study focuses on the factors the differences between works and expressionism west. At the same time, researchers will analyse the meaning in a work that arises from experience intuitive or an action description image as a form of regular expressions that can be found in the works of selected artists' expressionism abstract. Researchers will apply their feelings and emotions through abstract expressionism in conveying the meaning of the works and used in the final work.*

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Latar Belakang Kajian

Kajian ini mengenalpasti perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat. Menurut Azmi, E.A. (2015) karya Abstrak Ekspresionisme sering membingungkan fikiran pemerhati masyarakat umum pada landasan interpretasi. Kesukaran untuk menterjemah karya non-representatif ini seakan-akan membuatkan gaya lukisan tersebut tidak disengani oleh masyarakat umum. Perkara ini telah menjadi cabaran dan medan persoalan kepada ahli seni lukis untuk menjelaskan berkaitan karya abstrak ekspresionisme.

Menurut Suzlee, I. (2015) pergerakan dan perjalanan emosi seseorang pelukis abstrak terutama, akan terlihat jelas bila diperhatikan pada kesan 'tanda-tanda' yang diletakkannya pada sesuatu catan. Ciri-ciri fizikal terlihat ialah garisan seperti garisan pendek, panjang, nipis tebal, lurus, melengkung, berliku-liku, jelas atau kabur pula terhasil daripada cadangan gerak rasa yang lahir akibat dari ekspresi artis tersebut.

Dawson, F. (1963) lukisan abstrak dari konteks gaya penampilan karya seni ialah gambaran yang dipermudahkan atau diolah dari segi bentuk dan imej sebenar. Sehubungan itu, karya abstrak sukar dikenali dan sangat berbeza dengan imej asal. Disamping itu, aliran ini meluahkan idea melalui perasaan, ekspresi diri dan sejagat melalui karya catan yang spontan dan agresif. Selain itu, aliran ini juga banyak menggunakan simbol-simbol untuk menyampaikan mesej melalui imej abstrak dan karya yang tidak bersifat realistik. Di samping itu, abstrak ekspresionisme menggunakan unsur warna, bentuk, dan garisan serta menggunakan pelbagai jenis teknik dan media di dalam menghasilkan sesuatu karya.

Menurut Azmi, E.A. (2015) berbeza pula sejarah di Jerman istilah abstrak ekspresionisme ini telah di jumpai atau diguna pakai pertama kali di dalam majalah *'Der Sturm'* pada tahun 1919 yang menceritakan tentang ekspresionisme Jerman. Oleh itu, Jerman telah menggunakan istilah abstrak ekspresionisme lebih awal dari Amerika. Sejarah abstrak ekspresionisme di Malaysia pula melalui kajian Serena Abdullah mendapati bahawa ia bermula apabila sekumpulan pelukis dilabel sebagai abstrak ekspresionisme sekitar tahun 1960an dan terus memuncak dalam pameran berkumpulan yang disebut 'GRUP' pada tahun 1967 serta pameran lain bertema 'The Ekspresionist of the 1960s' pada tahun 1974.

Diluar Negara, Jackson Pollock telah menghasilkan karya "*Number One*" menunjukkan renjisan cat minyak yang pelbagai warna diatas kanvas. Sehubungan itu, terlalu konflik sehinggakan audiens perlu merenung dan memerhatikan setiap sudut karya untuk memahami erti karya yang dipersembahkan. Selain itu, Syed Ahmad Jamal artis abstrak dalam negara telah menghasilkan karya bertajuk "Harapan" pada tahun 1962. Dalam karya ini, calitan cat dengan menggunakan berus mewujudkan kesan berus yang kasar dan tebal. Sama seperti Jackson Pollock, karya yang dihasilkan juga tidak mempunyai imej yang khusus, hanya calitan cat yang kelihatan. Namun tetap juga mngandung nilai estetika yang tersendiri serta maksud atau makna karya yang tertentu.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Permasalahan yang dapat dikenalpasti ialah konflik ekspresi dari segi konsep antara penyatuan karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat. Konflik ini mencetuskan suatu pertentangan pengaliran transformasi pemikiran abstrak ekspresionisme. Sebagai contoh, Nasir, B. (2009) pameran lukisan 'Bara Hati Bahang Jiwa' pada tahun 2001 di Balai Seni Lukis Negara memberi persoalan berkaitan konflik ekspresi dalam "AMOK" yang dikaitkan dengan keadaan atau sifat orang-orang Melayu, sebagai aksi saluran kenyataan perasaan. Kajian ini adalah salah satu eksplorasi dan pencarian terhadap konflik ekspresi samaada perasaan itu berlaku terus dari pengalaman intuitif atau sesuatu tindakan diskripsi imej sebagai bentuk ekspresi

## 1.2 Persoalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor perbezaan karya antara ekspresionisme Melayu dan Barat?
2. Apakah makna dalam sesuatu karya itu terhasil dari pengalaman intuitif atau suatu tindakan diskripsi imej sebagai bentuk ekspresi?
3. Bagaimanakah kaedah penghasilan karya abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat boleh menimbulkan perasaan dan emosi?

### 1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor-faktor perbezaan karya antara ekspresionisme Melayu dan Barat.
2. Menganalisa makna dalam sesuatu karya itu terhasil dari pengalaman intuitif atau suatu tindakan diskripsi imej sebagai bentuk ekspresi.
3. Mengaplikasikan perasaan atau emosi melalui karya abstrak ekspresionisme dalam menyampaikan makna.

### 1.4 Skop Kajian

Kajian perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat ini dilakukan untuk mengenalpasti perbezaan makna kedua-dua karya artis tersebut. Artis yang dipilih ialah Abdul latiff Mohidin dan Jackson Pollock yang banyak memberi pengaruh besar dalam bidang seni abstrak ekspresionisme.

Perbandingan ini juga akan melihat sejauh manakah pengetahuan antara kedua-dua pengkarya abstrak ekspresionisme. Selain itu, buah fikiran yang dibawa oleh mereka dalam bidang seni abstrak sudah tentu mempunyai pemikiran dalam karya-karya yang dibawa oleh kedua-duanya. Di samping itu, kajian perkembangan pemikiran kedua-duanya dari aspek adaptasi teori yang dipinjam dalam pengkaryaan mereka.

Perbezaan ekspresi melalui perubahan dari sebuah karya atau siri ke siri itu dilihat dari aspek luahan idea yang baru atau hanya mengikut arus perubahan di zaman mereka sendiri dalam berkarya. Selain itu, pendekatan manakah yang berlaku dalam kedua-dua artis abstrak ekspresionisme ini adakah hanya berkarya semata-mata tanpa ada

pertimbangan yang sudah tentu daripada pertimbangan yang bijak dan akan memberi sumbangan ilmu yang baru.

Dalam kajian perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat perlu di jalankan untuk mengetahui makna dalam menyampaikan bentuk ekspresi dalam karya abstrak ekspresionisme. Selain itu, abstrak ekspresionisme ini agak cenderung kepada pengalaman kerohanian atau perlambangan emosi subjektif yang telah dihasilkan oleh artis-artis Melayu dan Barat.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

- Kajian perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan barat penting dilakukan untuk mengetahui faktor-faktor perbezaan karya antara ekspresionisma Melayu dan Barat.
- Pendedahan fakta-fakta perbezaan kedua-dua artis ekspresionisme Melayu dan Barat dalam berkarya.
- Penyelidikan ini akan menerangkan perbezaan ekspresi artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat melalui emosi subjektif di dalam sesuatu karya.
- Mengkaji karya abstrak ekspresionisme dalam menyampaikan makna dalam sesuatu karya



## 1.6 Kesimpulan

Dalam kajian konflik perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat perlu di jalankan untuk mengetahui makna, konsep, konteks dan kepentingan dalam menyampaikan bentuk ekspresi dalam karya abstrak ekspresionisme. Selain itu, abstrak ekspresionisme ini agak cenderung kepada pengalaman kerohanian atau perlambangan emosi subjektif yang telah dihasilkan oleh artis-artis Melayu dan barat, Disamping itu, karya abstrak ekspresionisme juga boleh menimbulkan persoalan dari segi kontek transformasi interpretasi. Pemerhatian ini dilakukan supaya akan memberi kesan dan impak kepada pengkaji dalam proses mengumpul maklumat untuk karya akhir nanti. Ia merupakan ramalan awal oleh pengkaji mengenai isu atau masalah kajian. Selain itu, hasil dapatan kajian melalui percanggahan konsep penyatuan ekspresionisme Melayu dan Barat dapat membantu pengkaji dalam proses penghasilan karya yang ingin dilakukan pada akhir kajian ini.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Sorotan ini penting untuk mengetahui sumber rujukan yang telah digunakan oleh penyelidik berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas melalui buku-buku, jurnal, majalah dan keratan akhbar yang pernah dihasilkan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa pendapat para pengkaji melalui buku-buku yang lepas dan digunakan sebagai sumber rujukan terpilih berdasarkan kaitan dan bersesuaian dengan tajuk iaitu "perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Melayu dan Barat".

Selain itu, dalam sorotan kajian ini maklumat hasil dapatan daripada bahan rujukan yang telah dikumpul oleh pengkaji bersesuaian dan tepat dengan tajuk kajian yang dikaji. Pengumpulan paling utama ialah tentang "Apa Itu Abstrak Ekspresionisme". Seterusnya, rujukan berkaitan karya abstrak ekspresionisme dalam menyampaikan makna pada sesuatu karya melalui "konsep pengalaman intuitif dalam meluahkan ekspresi pada karya catan".

Seterusnya, rujukan berkaitan "sejarah abstrak ekspresionisme" dalam konteks artis tersebut. Selain itu, setelah memperolehi maksud abstrak ekspresionisme, pengkaji mengembangkan lagi pencarian maklumat melalui rujukan berkaitan perbezaan ekspresi karya artis abstrak ekspresionisme Abdul Latiff Mohidin dan Jackson Pollock dalam konteks tajuk kajian. Pengkaji memperolehi cara-cara kefahaman melalui pemikiran dan pemerhatian. Pemikiran menurut pengkaji melalui kefahaman dalaman hati diperolehi dari pemikiran minda otak melalui kefahaman sesuatu bacaan. Akhir sekali, "Ciri-ciri

ekspresionisme dikaitkan dengan agama baru berkaitan 'mysticism' yang menyentuh unsur kosmik dan universalisme. Selain itu, ekspresionisme turut juga dikenalpasti sebagai 'Weltanschauung' yang pada sudut pandangan mengandungi keunikan spiritual. Sebagai contoh, Wilhem Worringer menyifatkan bahawa gaya lukisan abstrak ada hubungan transendental yang mana ia mempunyai hubungkait dengan 'Parisian Synthesis' dan Ekspresionist sehingga boleh memwujudkan seni Jerman yang baru.

Di Malaysia pula, rata-rata penulis dan pengkaji menjelaskan bahawa karya abstrak ekspresionisme mula popular sekitar tahun 1960an setelah pelukis yang pada dasarnya juga merupakan guru telah dihantar belajar seni lukis secara formal di luar Negara. Selain itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1971 telah membuatkan para pelukis mula menggunakan intipati budaya tempatan di dalam karya masing-masing. Seterusnya, karya-karya abstrak ekspresionisme juga mendapat perhatian yang baik pada waktu itu kerana ia sejajar dengan corak hidup berlandaskan Islam. Hal ini kerana, karya-karya 'realis' mula di kecam kerana terdapat percanggahan pendapat dalam Islam berkaitan lukisan realisme. Akhir sekali, perkembangan abstrak ekspresionisme di Malaysia menunjukkan perkembangan pada sekitar 70an dan 80an apabila ada golongan pelukis-pelukis mula bertindak menggunakan gaya abstrak ekspresionisme dalam karya seni bercirikan instalasi.

## 2.2 Konsep Pengalaman Intuitif Dalam Meluahkan Ekspresi Pada Karya Abstrak Ekspresionisme.

Nasir, B. (2016) Intuitif ialah semacam 'suara hati kecil' kita yang memberitahu sesuatu akan berlaku. Pemikiran intuitif dilakukan dengan cara membuat sesuatu keputusan tanpa menggunakan fakta ataupun maklumat lengkap. Pemikiran ini digunakan di dalam empat keadaan iaitu apabila seseorang itu perlu membuat keputusan meskipun dia tidak mempunyai maklumat sama sekali bagi dijadikan asas keputusan yang diambil. Selain itu, apabila seseorang itu mempunyai banyak maklumat, tetapi maklumat itu tidak relevan dengan keputusan yang dibuat. Seterusnya, apabila seseorang itu boleh mengambil lebih daripada satu keputusan dan tiap-tiap keputusan itu sama kebaikkannya ataupun sama keburukannya. Akhir sekali, apabila seseorang itu terdesak dan tidak ada waktu bagi mencari maklumat.

Nasir, B. (2016) pertentangan pengaliran transformasi pemikiran yang berpaksikan abstrak ekspresionisme melalui aksi emosi yang dikaitkan dengan keadaan diri yang lahir dari sifat "keakuan diri" sebagai aksi saluran kenyataan perasaan. *"Works of art so often arise from some deep personal feeling or crisis in the lives of their creators that emotion itself is commonly taken as the defining characteristic of art.(p.19)*

Holcombe, C. J.(1964) *"Tolstoy (1828-1910) thought that art caused its audience to experience certain feelings, was art to the extent that it did so, and that its creator should have lived through those feelings to express them properly".(p.19)* Lahirnya sesuatu perasaan atau emosi ini telah terjadi melalui pengalaman intuitif atau sesuatu tindakan diskripsi imej sebagai bentuk ekspresi dalam karya catan. Selain itu, deskripsi imej bermaksud penjelasan mungkin terhadap sifat lakaran atau makna sebaliknya dalam sesebuah karya.

Nasir, B. (2016) dalam taxonomi abstrak ekspresionisme terdapat dua rangkaian terminologi iaitu abstrak dan abstrak ekspresionisme wujud dari sifat yang mujarad atau bentuk-bentuk yang agak sukar difahami atau bentuk kabur. Manakala, ekspresionisme lahir dari kecenderungan penggambaran pengalaman kerohanian atau perlambangan emosi secara subjektif dengan luahan gaya secara ekspresif. Selain itu, bahasa mudah suatu luahan perasaan dalam melepaskan emosi jika di gabungkan ia akan menjadi sesuatu aktiviti luahan ekspresi secara berkesan atau abstrak dalam meluahkan emosi.

### **2.3 Perbezaan Ekspresi Karya Artis Abstrak Ekspresionisme Abdul Latif Mohidin dan Jackson Pollock.**

Menurut Tolstoy, (1896) dalam bukunya bertajuk '*What is Art?*' menyatakan seni tidak boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang hanya menghasilkan benda yang cantik atau indah semata-mata. Kerana keindahan tidak boleh ditafsirkan secara objektif. Menurut beliau seni boleh ditafsirkan sebagai satu ungkapan tentang perkongsiaan antara perasaan (ekspresi) dan pengalaman antara pengkarya dan kalayak. Oleh yang demikian seni yang baik dan seni yang buruk bergantung pada ekspresi pengkarya itu sendiri. Selain itu, dalam seni ekspresi melibatkan olahan idea melalui karya seni yang dihasilkan menerusi pemikiran, perasaan dan emosi.

Faizal, S. (2013) sebelum membuat perbezaan Abdul Latiff Mohidin dengan Jackson Pollock aliran ini pada ketika itu telah meletus di pantai timur atau di New York School. Hal ini adalah kerana dua pemuka abstrak ekspresionisme ini iaitu Mark Rothko dan Clyfford Still pernah mengajar di California School of Fine Art di sini pada akhbir

tahun 1940an. Haiq, K.(1965) dengan jelas menerangkan apa yang dikatakan ekspresi dalam karya seni melalui penulisan beliau bertajuk "*The Expression Theory Of Art : A Critical Evaluation*", beliau menyatakan karya catan adalah visual dua dimensi yang lahir dari ekspresi melalui idea dan emosi pelukis itu sendiri.

Ditinjau definisi ekspresi dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010); Ekspresi bermaksud perasaan dengan kata-kata gerak-geri tanpa menonjolkan simbol yang berlebihan dan tanpa mempedulikan teknik persembahan mengekspresikan, menyatakan atau meluahkan perasaan, fikiran dan lain- lain.

Nelson, G.(1976) dalam bukunya bertajuk "*Languages of Art*", menyatakan bahawa agak sukar untuk menentukan sesebuah karya seni catan itu mempunyai nilai ekspresi samaada sedih, pilu, suka, dan sebagainya kerana nilai seni adalah bersifat metafora. Metafora adalah merujuk kepada perasaan seseorang misalnya warna kelabu ada yang menyebut 'warna sejuk'. Kenyataan Goodman terhadap seni adalah melambangkan bahawa sesuatu karya seni itu adalah terhasil daripada ekspresi pengkarya melalui perasaan dan emosi.

Serena, A.(2009) bentuk karya abstrak tidak pernah sama walaupun secara zahir Nampak seakan sama. Sebagai contoh, kita boleh lihat pada karya Abdul Latif Mohidin dan Jackson Pollock . Selain itu, apa yang ditanda oleh artis di atas permukaan kanvas adalah secara '*subconscious*' melalui gerak tindakan bersandarkan emosi ketika mengimbas kembali setiap imbasan lalu. Sebagai contoh, artis membiarkan emosinya mengatasi ruang kanvas putih kerana ia di kawal dengan kepentingan penggunaan asas seni seperti garisan, jalinan , warna dan sebagainya.

Jackson Pollock menggunakan teknik menitis cat ke atas sekeping kanvas dan merupakan teknik asal yang digunakan Max Ernst. Menifestasi awal adalah hasil



penggunaan teknik ini oleh Northwest Tobet. Nama pergerakan ini terhasil daripada gabungan olahan emosi ekspresionisme orang Jerman. Jackson Pollock, seorang pelukis yang menghasilkan lukisan "*action painting*", berbeza dari segi teknik dan estetik.

Seterusnya, berbeza pula dengan Abdul Latiff Mohidin pula mempunyai ekspresi yang berdasarkan identiti kepada bangsa dan Negara sejurus selepas mencapai kemerdekaan 1960-an. Karya beliau menjurus kepada lukisan ekspresionisme berdasarkan jaluran rumput dan warna-warna tanah sering ditonjolkan. Latiff lebih gemar menghasilkan karya berdasarkan identiti sendiri berinspirasi hutan belantara dan motif organik sebagai contoh karya 'Meh Meri' dan 'Jah Hut'.

Sebuah karya abstrak ekspresionisme tidak mampu di ulang kembali dalam keadaan atau bentuk yang sama kerana sapuan warna, garis-garis, kesan jalinan serta komposisi merupakan permainan pelukis bagi sesebuah karya kerana ia akan berbeza pada karya seterusnya. Selain itu, bagi memastikan setiap gerakan emosi ini disembangkan secara rasional dengan pengetahuan asas seni lukis agar ia kelihatan cukup masak. Oleh itu, kita perlu faham ketika mengapresiasi sesebuah karya dalam aliran abstrak ekspresionisme.

## 2.4 Karya Abstrak Ekspresionisme?

Gibson, A. E.(1944) *"The abstract expressionist movement has long been bound up in the careers and lifestyles of about twelve white male artists who exhibited in New York in 1940s"* (p.1). Pergerakan abstrak ekspresionisme telah lama wujud pada tahun 1940-an. Lukisan abstrak ekspresionisme ialah sebuah lukisan yang menggambarkan hasil karya yang tidak natural dan realistik. Lukisan ini tidak memperlihatkan bentuk rupa yang sering kita jumpai dalam kehidupan sehari-hari. Lukisan abstrak ini juga merupakan sebuah bentuk karya yang penuh dengan pesan atau corak yang tersirat di dalamnya. Para seniman yang membuat lukisan abstrak ekspresionisme ini mencari sesuatu yang lain dalam dari objek yang akan dia buat, sehingga lukisan yang telah dibuat lebih unik dan hasil lukisan tampak tidak nyata. Oleh itu, subjek dari seni abstrak ekspresionisme ini adalah berdasarkan apa yang terlihat, baik dari komposisi warna, sapuan berus, ukuran, skala, dan dalam beberapa lagi proses penting dalam penciptaan karya seni tersebut

Greenberg, C.(1955) *"Abstract Expressionism is the first phenomenon in American art to draw a standing protest, and the first to be deplored seriously and frequently, abroad. But it is also the first on its scale to win the serious attention, then the respect, and finally the emulation of a considerable section of the Parisian avant garde, which admires in Abstract Expressionism precisely what cause it to be deplored elsewhere."*(p.6). Schubungan itu, coretan ini menceritakan tentang fenomena yang pertama kali di Amerika seni sebagai bantahan perang di dalam diri mereka. Hal ini kerana, mahu mendapatkan perhatian yang serius dalam luahan hati yang dihasikan artis-artis masa itu melalui karya abstrak ekspresionisme. Schubungan itu, Kingsley, A.(1866) percaya jika warna pada karya abstrak ekspresionisme akan dapat memberikan perubahan kepada emosi.